



Tatakkelakuan Perniagaan





Isi Kandungan

Pesanan daripada Jim Mintern

Nilai-nilai Kami

Ia Bermula dengan Saya

Membuat Keputusan yang Tepat

Melaporkan Kebimbangan



Tatakelakuan di Tempat Kerja Kami

- Mengutamakan Keselamatan
 - Menghormati Orang Lain
 - Melindungi Aset dan Data Syarikat
 - Mengekalkan Kerahsiaan dan Mengelakkan Perdagangan Orang Dalam
 - Penggunaan Sistem IT dan Media Sosial
 - Mengekalkan Rekod yang Tepat
-



Tatakelakuan dalam Amalan Perniagaan Kami

- Bersaing secara Adil
 - Menolak Sogokan dan Rasuah
 - Garis Panduan tentang Hadiah dan Hospitaliti
 - Mengelakkan Konflik Kepentingan
 - Mematuhi Undang-undang Perdagangan Antarabangsa
 - Mencegah Pengubahan Wang Haram
 - Perhubungan Pihak Ketiga
-



Tatakelakuan dalam Komuniti Kami

- Melindungi Hak Asasi Manusia
- Menggalakkan Kelestarian Alam Sekitar
- Melibatkan Diri dan Menyokong Komuniti
- Membuat Sumbangan Politik



Di CRH, nilai-nilai kami menyatukan cara kami bekerja setiap hari, di setiap tapak, di seluruh perniagaan kami. Orang ramai adalah keutamaan kami, memastikan kami sentiasa mengutamakan keselamatan serta melindungi dan menjaga satu sama lain. Begitu juga, Watak adalah kekuatan kami. Kami melakukan apa yang kami katakan dan kami memimpin dengan integriti.

Dalam usaha mencapainya, Tatakelakuan Perniagaan adalah kompas kami. Di dalamnya, anda akan melihat frasa berulang: “la Bermula dengan Saya.” Ini kerana mengamalkan nilai-nilai kita sebagai sebuah syarikat hanya dapat dicapai apabila setiap daripada kita memainkan peranan masing-masing.

Pemeriksaan kakitangan kita untuk melakukan perkara yang betul dengan cara yang betul akan menjadi pemacu utama kepada kejayaan CRH pada tahun-tahun akan datang. Adalah penting untuk kita terus mengutamakan keselamatan, mematuhi undang-undang, dan menghormati antara satu sama lain.

Sekiranya anda mempunyai kebimbangan yang tulus tentang sebarang pelanggaran Tatakelakuan, anda mesti bersuara. Cara untuk berbuat demikian termasuk menghubungi pengurusan perniagaan, HR, Perundangan dan Pematuhan, atau Talian CRH Hotline (www.crhhotline.com).

Saya menggalakkan anda membaca Tatakelakuan Perniagaan dengan teliti, merujuknya dengan kerap dan sentiasa mematuhi prinsipnya.

Terima kasih atas sokongan yang berterusan

Jim Mintern
Ketua Eksekutif

Nilai-nilai Kami



Pekerja adalah keutamaan kami

Kami membina perhubungan yang berkekalan dan kami mengambil berat tentang keselamatan dan kesejahteraan satu sama lain.



Perwatakan adalah kekuatan kami

Kami melakukan apa yang kami katakan, kami hidup dengan kata-kata kami dan kami bekerjasama untuk menyampaikan sebagai satu pasukan.



Prestasi ialah komitmen kami

Kami mencapai impak di peringkat global melalui penghantaran tempatan, pemacu keusahawanan dan penjagaan alam sekitar.



Inovasi adalah jalan kita ke hadapan

Kami berusaha untuk menghasilkan bahan binaan mampan dan jalan penyelesaian bagi generasi akan datang.



la Bermula dengan Saya

Budaya syarikat kami dibina melalui tindakan hari-demi-hari anda, pekerja kami. Tatakelakuan Perniagaan ini ("Tatakelakuan") ialah panduan praktikal anda untuk mendokong nilai-nilai CRH dan bertindak secara beretika di tempat kerja kami, dalam amalan perniagaan kami dan dalam komuniti kami. Memandangkan Tatakelakuan ini tidak merangkumi semua kemungkinan situasi yang anda mungkin alami di tempat kerja, anda diharapkan dapat menggunakan penilaian dan logik yang baik, meminta bimbingan apabila tidak pasti, dan bersuara apabila ada sesuatu yang tidak betul.

Setiap orang yang bekerja untuk CRH bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan mematuhi Tatakelakuan ini. Tatakelakuan ini terpakai secara sama rata kepada setiap orang, daripada pekerja sementara dan separuh masa, hinggalah kepada pihak pengurusan tertinggi kami. Usaha sama yang dikawal oleh pengurusan kami juga bersetuju untuk mematuhi Tatakelakuan ini.

Tiada sesiapa yang dibenarkan untuk melanggar Tatakelakuan. Sesiapa yang berbuat demikian semata-mata bagi pihak diri sendiri, bercanggah dengan kepentingan terbaik CRH, dan tertakluk kepada tindakan disiplin yang wajar.

Selain itu, jika anda berada dalam kedudukan pengurusan, anda bertanggungjawab untuk:

- Memastikan setiap orang dalam pasukan anda telah membaca dan memahami Tatakelakuan ini
- Memimpin dengan integriti: Tunjukkan tatakelakuan yang baik yang anda mahu lihat dalam pasukan ini
- Menyemai budaya pintu terbuka yang mana pasukan anda berasa selesa untuk bertanya soalan dan membangkitkan kebimbangan tentang masalah tatakelakuan
- Mendokong semua inisiatif dan latihan yang menyokong Tatakelakuan

Panduan Anda

Lihat muka surat 22 untuk panduan rujukan ringkas kepada Kod.



Membuat Keputusan yang Tepat

Adakala anda mungkin berdepan dengan situasi yang mana perkara yang betul perlu dilakukan adalah tidak jelas. Untuk membantu anda melakukan perkara yang betul, tanya soalan-soalan ini kepada diri anda:



Adakah tindakan ini sah dari segi undang-undang?



Adakah tindakan ini konsisten dengan nilai-nilai, etika dan budaya kami?



Adakah saya akan berasa selesa untuk memberitahu keluarga dan rakan-rakan saya tentang hal tersebut?



Ya untuk semua
Bergerak ke hadapan



Tidak pasti
Dapatkan nasihat - bercakap dengan pengurus anda atau hubungi jabatan Undang-undang dan Pematuhan




Tidak untuk mana-mana
Berhenti, jangan lakukannya!



Melaporkan Kebimbangan

Dasar Speak Up CRH menggariskan komitmen CRH untuk menyediakan pelbagai cara untuk anda bersuara, mengendalikan laporan tersebut dengan sewajarnya dan sulit, dan melayan anda secara adil dan hormat apabila anda bersuara.

Melalui Tatakelakuan ini, "LAPORAN" bermaksud untuk memaklumkan mana-mana perkara berikut:



Talian Penting CRH

Talian Penting CRH membenarkan pekerja, pelanggan, pembekal dan pihak berkepentingan lain melaporkan kebimbangan sebenar yang berkaitan dengan Tatakelakuan, tingkah laku yang tidak sesuai atau tidak sah dari segi undang-undang, atau pelanggaran dasar CRH atau undang-undang tempatan. Di CRH, pembalasan kerana melaporkan kebimbangan yang sebenar tidak diterima. Sila maklum bahawa masalah pekerja rutin sebaiknya diselesaikan oleh pasukan HR setempat anda.



Jika saya melihat atau mendengar sesuatu yang tidak selamat, tidak beretika, atau tidak sah dari segi undang-undang, saya akan bersuara!

Apabila Saya Menghubungi Talian Penting CRH...



Bolehkah saya melaporkan secara tanpa nama?

Ya. Talian Penting CRH diuruskan oleh pihak ketiga luar dan anda tidak perlu memberikan nama anda.



Siapakah yang menyiasat laporan saya?

Laporan anda akan dihantar kepada jabatan Undang-undang dan Pematuhan dan ditugaskan kepada individu yang sesuai untuk menyiasat laporan tersebut. Setiap laporan dipandang serius dan disiasat sepenuhnya.



Saya mahu melaporkan kebimbangan tetapi saya khuatir saya akan dibalas balik.

CRH tidak bertolak ansur dengan pembalasan kerana melaporkan kebimbangan yang sebenar. Laporan anda akan dikendalikan secara berhati-hati dan rahsia, sehingga ke tahap sewajarnya yang mungkin dan dibenarkan oleh undang-undang tempatan.

TALIAN PENTING

BILA

JIKA ANDA MELIHAT, MENDENGAR ATAU MENGEYAKI PERKARA YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG, TIDAK BERETIKA ATAU TIDAK SELAMAT, BERSUARALAH!

BAGAIMANA

Berbincang dengan pengurus anda, ahli pasukan pengurusan atau hubungi jabatan Undang-undang dan Pematuhan. Sebaliknya, gunakan TALIAN PENTING

APA jenis masalah yang perlu dilaporkan

Kesihatan & Keselamatan	Penipuan & Kecurian	Pelanggaran Undang-undang	Pelanggaran Tindakan Kemanusiaan	Tingkah Laku yang Tidak Beretika	Sogokan & Rasuah	Penggunaan Dadah & Alkohol di Tempat Kerja
-------------------------	---------------------	---------------------------	----------------------------------	----------------------------------	------------------	--

Talian penting ialah cara yang bebas dan rahsia untuk melaporkan tanpa rasa takut terhadap pembalasan. Masalah pekerja rutin sebaiknya diselesaikan oleh pasukan HR setempat anda.

Hubungi Talian Penting CRH di www.crhhotline.com atau ambil gambar kod QR anda menggunakan peranti mudah alih anda.





Tatakelakuan di Tempat Kerja



- Mengutamakan Keselamatan
- Menghormati Orang Lain
- Melindungi Aset dan Data Syarikat
- Mengekalkan Kerahsiaan dan Mengelakkan Perdagangan Orang Dalam
- Penggunaan Sistem IT dan Media Sosial
- Mengekalkan Rekod yang Tepat





Mengutamakan Keselamatan

Setiap orang hendaklah pulang ke rumah setiap hari tanpa mudarat. Mengutamakan keselamatan boleh merealisasikan perkara ini. Tujuan kami adalah sifar kemudaratan.

Di CRH,

Kami sentiasa mengutamakan keselamatan. Kita mesti memastikan persekitaran yang sihat dan selamat untuk semua pekerja, kontraktor, pelanggan dan pelawat di lokasi kita. Keganasan di tempat kerja tidak boleh diterima.



Ia Bermula dengan Saya

- Bekerja dengan cara yang selamat sepanjang masa
- Jika anda melihat perkara yang tidak selamat, berhenti dan lakukan sesuatu
- Patuhi semua dasar tempatan mengenai dadah, alkohol dan senjata di tempat kerja
- Patuhi syarat keselamatan setempat serta Dasar Kesihatan & Keselamatan
- Mematuhi Peraturan yang Menyelamatkan Nyawa

Bagaimanakah sekiranya...

Saya seorang pengurus penyelenggaraan dan saya mempunyai kebimbangan serius terhadap satu peralatan. Saya telah memberitahu penyelia saya, tetapi beliau mengatakan bahawa kita tidak mempunyai bajet untuk membaiki peralatan tersebut pada suku tahun ini dan kita perlu menggunakannya untuk mencapai sasaran pengeluaran. Apakah yang perlu saya lakukan?

Jika boleh, berwaspada dengan peralatan dan [LAPORKAN](#) situasi.

Rakan sekerja saya menanggalkan pengadang keselamatan mesin ketika masih beroperasi untuk memeriksa masalah.

Pengadang keselamatan tidak boleh sesekali ditanggalkan ketika mesin masih beroperasi kerana anda merisikakan kecederaan yang serius kepada diri dan orang lain. Jika anda melihat rakan sekerja menanggalkan pengadang keselamatan tanpa mematuhi prosedur keselamatan yang betul, hentikan mereka daripada meneruskan.



Saya akan berhenti dan melakukan sesuatu jika melihat perkara yang tidak selamat!

Menghormati Orang Lain

Hormat bermaksud melayan setiap orang di tempat kerja anda dengan cara yang anda mahu dilayan.


Di CRH

Kami berusaha mewujudkan budaya inklusif dan saling menghormati, di mana setiap individu dapat memberikan yang terbaik dalam pekerjaan mereka dan semua pekerja mempunyai peluang yang sama untuk menyumbang, belajar, memimpin dan berjaya.



Ia Bermula dengan Saya

- Layan setiap orang di tempat kerja anda dengan bermaruah dan hormat
- Hargai perspektif unik dan sumbangan orang lain
- Mainkan peranan anda untuk mencipta budaya menghormati dan secara aktif turut serta dalam persekitaran kerja anda





Melindungi Aset dan Data Syarikat

Aset syarikat adalah penting untuk operasi syarikat. Pekerja, pihak berkepentingan dan pelanggan syarikat, semuanya bergantung pada keselamatan aset dan data syarikat.

Di CRH

Aset kami terdapat dalam banyak bentuk, sesetengahnya ditunjukkan di bawah. Tidak kira apa jua bentuk, semua aset dan sumber adalah bernilai kepada perniagaan kami dan mesti dilindungi. Kita semua bertanggungjawab untuk menggunakan aset dan sumber dengan cara yang betul dan untuk tujuan yang diuntukkan.



Ia Bermula dengan Saya

- Lindungi semua bentuk aset CRH, termasuk daripada kecurian dan kerosakan
- Penjagaan khusus harus diambil semasa mengendalikan data peribadi pekerja atau pelanggan, dengan memastikan data tersebut selamat dan disulitkan; sekiranya berlaku akses tanpa kebenaran kepada data peribadi pekerja, segera maklumkan kepada Bahagian Perundangan dan Pematuhan atau emelkan kepada dataprivacy@crh.com
- Baca Dasar Keselamatan Maklumat

Hartanah,
peralatan dan
kenderaan



Stok bahan
mentah,
bekalan



Dana (wang
tunai dan
pelaburan)



Masa



Harta
intelektual



Rekod
perakaunan
dan
perniagaan
lain



Maklumat
sulit



Perkakasan
dan perisian
komputer



Mel
elektronik
dan akses
Internet



Data
peribadi



Bagaimanakah sekiranya...

Saya menyedari bahawa inventori tiada selepas hujung minggu. Hanya seorang pekerja lain dan saya mempunyai akses kepada kod penggera dan kunci pintu.

Anda hendaklah [MELAPORKAN](#) kecurigaan kecurian anda.

Saya melihat rakan sekerja saya menyambungkan peranti storan luar pada komputer riba dan menyimpan fail pada peranti tersebut. Rakan sekerja ini baru-baru ini telah menyerahkan notis berhenti kerjanya.

Sebagai pekerja CRH, anda bertanggungjawab untuk [MELAPORKAN](#) sebarang aktiviti yang mencurigakan. Senarai orang untuk dihubungi, fail, dll. semuanya harta CRH.

Saya secara tidak sengaja berkongsi sebuah fail yang mengandungi data peribadi pekerja dengan pihak ketiga.

Anda hendaklah [MELAPORKAN](#) pendedahan tidak sengaja tersebut sebelum mengambil sebarang tindakan.

Saya mengendalikan akaun belum bayar, dan saya menerima satu e-mel daripada CFO serantau yang mengarahkan supaya satu pemindahan wang dibuat serta-merta kepada seorang vendor yang tidak pernah saya kenali sebelum ini.

Jangan proses bayaran tersebut sehingga anda menghubungi CFO untuk mengesahkan yang dia telah menghantar permintaan ini. Jika dia tidak menghantar permintaan ini, [LAPORKAN](#) e-mel penipuan.



Saya akan menjaga harta syarikat dan tidak akan mencuri atau menyalahgunakan apa-apa.



Mengekalkan Kerahsiaan dan Mengelakkan Perdagangan Orang Dalam

Pekerja selalunya mempunyai maklumat sulit tentang syarikat mereka, pelanggannya, pembekalnya atau syarikat lain yang syarikat mereka mempunyai atau mungkin mempunyai hubungan perniagaan. Sesetengah maklumat sulit amat penting dan boleh mempengaruhi pelabur jika mereka dimaklumkan mengenainya ("maklumat bukan awam").

Pembelian, penjualan atau pemberian saham atau sekuriti dalam sesebuah syarikat berdasarkan maklumat bukan awam dikenali sebagai perdagangan orang dalam. Perdagangan orang dalam adalah haram. Memberi maklumat bukan awam kepada orang lain supaya mereka boleh membeli atau menjual saham atau sekuriti dalam syarikat juga adalah haram.

Di CRH

Melindungi maklumat sulit kami adalah penting untuk daya saing kami, pematuhan undang-undang dan hubungan dengan pihak berkepentingan.

Sebagai sebuah syarikat dagangan awam, kami mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan berkaitan yang berkaitan dengan maklumat bukan awam dan perdagangan saham dan sekuriti CRH dan saham dan sekuriti syarikat lain yang anda terima maklumat sulit dalam peranan anda dengan CRH.



1a Bermula dengan Saya

- Hanya berkongsi maklumat sulit untuk tujuan perniagaan yang sah dan jika dibenarkan berbuat demikian
- Sebarang maklumat bukan awam mesti dirahsiakan
- Jangan sekali-kali melibatkan diri atau meminta orang lain untuk terlibat dalam perdagangan orang dalam
- Perdagangan orang dalam adalah topik yang kompleks; jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan sila hubungi Pejabat Setiausaha Syarikat atau Penasihat Am Kumpulan
- Individu yang melanggar undang-undang perdagangan orang dalam mungkin dikenakan denda dan penalti yang ketara, penamatan dan/atau pemenjaraan - walaupun anda tidak mendapat manfaat secara peribadi

Bagaimanakah sekiranya...

Saya mendengar bahawa CRH berkira-kira mahu membeli syarikat lain. Pembelian mungkin akan meningkatkan harga saham. Bolehkah saya menyebut maklumat ini kepada suami dan anak saya?

Tidak. Maklumat ini adalah sulit. Juga, jika anda, suami anda atau anak anda mendagangkan saham CRH atau saham syarikat yang dibeli berdasarkan maklumat ini, anda semua mungkin melanggar undang-undang perdagangan orang dalam.

Menggunakan Sistem IT dan Media Sosial

Sistem IT adalah penting untuk menjalankan perniagaan. Sistem IT termasuk akses internet, e-mel, peranti mudah alih keluaran syarikat dan perisian berlesen, termasuk yang menggunakan kecerdasan buatan (AI). Platform media sosial ialah peluang untuk berkongsi maklumat yang disasarkan dengan khalayak global.

Di CRH

Sistem IT tidak boleh digunakan untuk melakukan apa-apa yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika, termasuk mencipta, mengedar, memuat turun atau melihat bahan yang menyalahi undang-undang, menyinggung perasaan atau sebaliknya tidak sesuai.

Komunikasi dengan orang ramai hanya dibenarkan melalui saluran rasmi termasuk: siaran akhbar, penerbitan rasmi syarikat, taklimat media, laman web kami (www.crh.com) dan akaun media sosial rasmi kami. Perbualan di media sosial haruslah hormat dan profesional.



1a Bermula dengan Saya

- Gunakan semua sistem IT secara bertanggungjawab dan mengikut undang-undang
- Hanya gunakan peranti milik syarikat untuk menyimpan maklumat syarikat, melainkan anda mempunyai kelulusan jelas daripada pengurusan tempatan untuk menggunakan peranti anda sendiri
- Hanya gunakan perisian, termasuk perisian yang menggunakan ciri AI, yang dilesenkan dan diluluskan untuk digunakan dalam CRH
- Jangan gunakan media sosial atau ciri AI sistem IT untuk:
 - Kongsi maklumat sulit secara terbuka,
 - Melanggar Kod,
 - Terlibat dalam gangguan, diskriminasi, atau tindakan balas, atau
 - Melanggar mana-mana undang-undang atau standard etika lain
- Ingat bahawa jika aktiviti media sosial anda akan melanggar mana-mana dasar CRH dalam forum lain, ia juga akan melanggarnya dalam forum dalam talian

Bagaimanakah sekiranya...

Baru-baru ini saya terlibat dalam pembangunan satu produk baharu. Pelancaran produk tersebut hanya akan berlangsung dalam masa tiga bulan lagi. Saya berasa bangga dengan hasil kerja saya, dan saya ingin berkongsi beberapa maklumat mengenai produk baharu itu di akaun LinkedIn peribadi saya.

Memandangkan CRH belum mengumumkan secara rasmi produk baharu tersebut, butiran produk adalah sulit dan oleh itu, tidak boleh dikongsi kepada orang awam.



Mengekalkan Rekod yang Tepat

Penting untuk anda memastikan rekod perniagaan tepat dan lengkap, dan memastikan pelaporan maklumat kewangan dan bukan kewangan yang tepat dan menepati masa sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang tempatan. Sebarang percubaan untuk menyembunyikan, memalsukan atau menyalah tafsir maklumat untuk mengelirukan orang lain adalah satu penipuan.

Di CRH

Kami menggalakkan integriti di seluruh organisasi dan memenuhi tanggungjawab kami kepada pihak berkepentingan.

CRH tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk penipuan dan meminta semua pekerjaannya untuk menunjukkan standard kejujuran dan integriti yang tinggi dalam kerja mereka.



la Bermula dengan Saya

- Pastikan semua rekod perniagaan lengkap dan tepat
- Jangan sesekali menyerahkan maklumat palsu atau mengelirukan kepada pelanggan atau pihak berkuasa kerajaan
- Baca Dasar Anti-Penipuan/Anti-Kecurian.
- LAPORKAN mana-mana penipuan yang sebenar, disyaki atau cubaan



Saya akan mendokong diri saya mengikut standard kejujuran dan integriti yang tertinggi dalam kerja saya.

Bagaimanakah sekiranya...

Kontrak pelanggan memerlukan bahan tertentu digunakan dalam projek. Untuk menjimatkan masa, bolehkah saya menggantikan bahan yang sama yang lebih tersedia tanpa memberitahu pelanggan?

Tidak, itu dianggap satu penipuan. Anda mestilah menggunakan bahan yang khusus dalam kontrak atau dapatkan kelulusan pelanggan untuk menggunakan bahan lain yang masih memenuhi spesifikasi projek.

Jumlah jualan di kilang saya luar biasa rendah dalam suku tahun ini. Saya mengharapkan jualan besar untuk melalui awal suku tahun seterusnya, jadi saya mahu teruskan dan merekodkannya sekarang agar saya boleh mencapai matlamat jualan suku tahun saya.

Mencipta rekod kewangan yang tidak tepat secara sengaja adalah satu penipuan. Jualan anda mestilah direkodkan dalam suku tahun yang mana berlaku transaksi.

Selepas kiraan inventori bulanan, terdapat perbezaan besar antara stok sebenar di tapak berbanding stok yang terdapat dalam sistem. Rakan sekerja saya mengesyorkan agar saya mengubah sahaja jumlah dalam sistem agar sepadan dengan jumlah di tapak dan tidak memaklumkan kepada sesiapa.

Jangan ubah sistem perakaunan untuk menyembunyikan inventori yang tiada. Beritahu pengurus anda tentang percanggahan tersebut.

Saya melakukan ujian kawalan kualiti untuk projek pihak berkuasa pengangkutan awam. Saya menerima keputusan ujian yang berada di bawah standard, tetapi saya sedar bahawa melaporkan keputusan ini boleh menyebabkan kelewatan dalam projek. Patutkah saya mempertimbangkan untuk melaraskan keputusan secara manual dalam laporan saya kepada pihak berkuasa pengangkutan untuk mengelakkan kelewatan?

Jangan laraskan keputusan ujian. Dengan melakukan demikian, anda akan menyerahkan laporan yang dipalsukan kepada pihak berkuasa kerajaan. Ini boleh mendatangkan akibat yang serius kepada anda dan CRH.





Tatakelakuan dalam Amalan Perniagaan Kami



- Bersaing secara Adil
- Menolak Sogokan dan Rasuah
- Mempertimbangkan Hadiah dan Hospitaliti
- Mengelakkan Konflik Kepentingan
- Mematuhi Undang-undang Perdagangan Antarabangsa
- Mencegah Pengubahan Wang Haram
- Perhubungan Pihak Ketiga



Bersaing secara Adil

Bersaing dengan adil adalah penting kerana ia mewujudkan pasaran yang bebas dan terbuka. Dalam sistem pasaran bebas, persaingan memacu kecekapan dan inovasi, dan syarikat bersaing dalam persaingan dengan peluang yang sama. Pelanggaran undang-undang yang melindungi persaingan boleh membawa kepada penalti yang termasuk denda yang tinggi, dipenjarakan, reputasi rosak dan pengecualian daripada kontrak kerajaan.

Di CRH

Persaingan yang adil terdapat dalam kepentingan terbaik setiap orang. Kami komited untuk mematuhi undang-undang persaingan/antitrust di mana-mana tempat kami beroperasi.



1a Bermula dengan Saya

- Apabila berinteraksi dengan pesaing, sentiasa merujuk panduan Lakukan & Jangan Lakukan
- Dapatkan bimbingan daripada jabatan Undang-undang dan Pematuhan, apabila persoalan undang-undang persaingan/antitrust timbul
- Baca Dasar Persaingan/Antitrust

Bagaimanakah sekiranya...

Saya mahu menganalisis trend dalam pasaran tempatan saya. Apakah sumber yang boleh saya gunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang pesaing saya?

Sumber yang tersedia secara umum seperti keputusan perdagangan, jurnal perdagangan dan laman web boleh digunakan, tetapi jangan dapatkan maklumat secara langsung atau tidak langsung daripada pesaing atau berbincang perkara yang anda ketahui dengan pesaing. Sentiasa rekodkan sumber maklumat yang diperoleh tentang pesaing.

Seorang pesaing menghantar pesanan teks kepada saya dan mencadangkan yang kami tidak menjana untung yang cukup di rantau tertentu, dan kami perlu bekerjasama untuk bersetuju dengan harga minimum untuk dikenakan kepada pelanggan di rantau tersebut.

Hubungi jabatan Undang-undang dan Pematuhan dan dapatkan nasihat untuk membalas pesanan tersebut. Menolak dengan jelas untuk menyertai adalah penting kerana berdiam diri boleh dianggap sebagai bersetuju.

Syarikat CRH dan dua pesaing lain (syarikat B dan C) dijemput untuk menyerahkan tender. Seorang wakil daripada syarikat B mendekati saya dan mengesyorkan agar saya menyerahkan bidaan yang lebih rendah dan menjamin Syarikat B mendapat kedudukan sebagai subkontraktor. Baik syarikat CRH mahupun syarikat B tidak dianugerahkan kontrak tersebut. Adakah saya terlibat dalam tingkah laku anti-persaingan?

Ya, hakikat bahawa anda dan syarikat B tidak berjaya dalam proses tender tidak mengubah hakikat bahawa tindakan anda adalah anti-persaingan.



Lakukan

- Bersaing dengan gigih, menggunakan maklumat awam dan keadaan persaingan untuk menunjukkan kelebihan terbaik anda
- Ingat bahawa pematuhan sentiasa berada dalam kepentingan terbaik CRH. Tiada sesiapa yang dibenarkan untuk melanggar undang-undang
- Ingat bahawa penampilan adalah penting
- Tanya jabatan Undang-undang dan Pematuhan jika ada sebarang keraguan. Berhubung hal persaingan, tiada soalan bodoh.



Jangan Lakukan

- Bincangkan dengan pesaing tentang sebarang syarat anda bersaing, harga, atau peruntukan kerja, pelanggan atau pasaran
- Bincangkan dengan pesaing sama ada anda berniat untuk menyerahkan bidaan atau kuota untuk mana-mana projek tertentu atau pelanggan
- Bercakap dengan sesiapa sahaja tentang memboikot atau menolak untuk berurusan dengan pelanggan atau pembekal
- Ambil sebarang tindakan untuk menyakiti atau membalas pesaing




Saya akan meningkatkan kelebihan persaingan kami dengan mematuhi undang-undang.



Menolak Sogokan dan Rasuah

Sogokan ialah apa sahaja yang bernilai yang ditawarkan, diberikan, atau diterima, dengan niat untuk mempengaruhi tindakan seseorang atau syarikat. Terdapat undang-undang yang tegas terhadap sebarang bentuk sogokan, terutamanya sogokan kepada pegawai kerajaan. Mereka yang bekerja untuk mana-mana tahap kerajaan ialah pegawai kerajaan. Contohnya, ahli perbandaran tempatan, pemeriksa keselamatan dan pegawai penguatkuasaan undang-undang semuanya ialah pegawai kerajaan.

Sogokan boleh jadi:



Rasuah adalah penyalahgunaan kuasa untuk keuntungan peribadi. Contoh-contoh rasuah termasuk penggelapan wang dan wang sogokan.

Di CRH

CRH komited untuk mematuhi semua undang-undang anti-sogokan yang terpakai, termasuk Akta Amalan Rasuah Asing AS dan Akta Sogokan UK.

Kami tidak bertolak ansur dengan mana-mana bentuk sogokan atau rasuah.



Ia Bermula dengan Saya

- Jangan sesekali menawarkan, membayar, merayu atau menerima sogokan
- Sentiasa elakkan situasi yang boleh menampakkan sogokan atau rasuah.
- Berwaspada ketika berurusan dengan pegawai dan pengawal selia kerajaan. Patuhi mana-mana peraturan tempatan untuk menawarkan sesuatu yang bernilai kepada pegawai kerajaan.
- Baca Dasar Anti-Sogokan



Saya tidak akan menawarkan atau mengambil sebarang sogokan mahupun terlibat dalam apa jua jenis rasuah.

Mempertimbangkan Hadiah dan Hospitaliti

Memberikan dan menerima hadiah dan hospitaliti boleh menjadi cara yang boleh diterima dalam membina perhubungan perniagaan jika garis panduan etika diikuti.

Di CRH

Kami yakin bahawa hadiah dan hospitaliti perniagaan boleh diberi dan diterima jika ia munasabah, boleh disahkan dan munasabah. Jika tidak, ini boleh menjadi sogokan atau kelihatan seperti sogokan.



Ia Bermula dengan Saya

- Tentukan sama ada jabatan atau syarikat operasi tempatan anda telah mengeluarkan garis panduan hadiah dan hospitaliti
- Sebelum menawarkan atau menerima hadiah dan hospitaliti, tanya adakah:



Ya untuk mana-mana soalan? Jangan teruskan. Hubungi jabatan Undang-undang dan Pematuhan untuk mendapatkan nasihat.



Bagaimanakah sekiranya...

Saya sedang mengendalikan projek berkenaan bahan yang diimport dari luar negara. Pelepasan import telah ditangguhkan. Jika saya memberikan bayaran kecil secara terus kepada pegawai kastam, dia akan melepaskan bahan tersebut dengan segera. Saya sudah membayar yuran untuk pelepasan import kepada pegawai tersebut. Perlukah saya membayar kepada pegawai tersebut?

Tidak, ini akan menjadi bayaran pemudahan yang dilarang oleh dasar CRH dan boleh menjadi tidak sah dari segi undang-undang.

Seorang wakil pembekal berpotensi memberitahu saya bahawa jika kami memberikan kontrak kepada mereka, saya akan layak mendapat bayaran tunai di bawah "program ganjaran pelanggan korporat" mereka. Bagaimanakah saya patut memberikan respons?

Pembekal telah menawarkan anda hadiah wang tunai yang dikaitkan dengan keputusan perniagaan yang positif, jadi ini boleh dilihat sebagai sogokan. Anda hendaklah memberitahu wakil komersial tersebut bahawa anda tidak boleh menyertai program ganjaran tersebut dan [MELAPORKAN](#) tawaran tersebut.

Bagaimanakah sekiranya...

Seorang pegawai awam, iaitu Pengarah Jabatan Kerja Raya, singgah di loji saya pada suatu hari untuk bertanya tentang pesanan perubahan yang saya kemukakan. Semasa berada di sana, beliau menyebut bahawa trak miliknya memerlukan pad brek baharu. Beliau ingin tahu sama ada mekanik kami boleh menukarnya. Saya mempunyai pad brek yang sesuai di bengkel, jadi mekanik kami menggantikannya secara percuma. Keesokan harinya, Pengarah meluluskan pesanan perubahan tersebut. Adakah ini satu masalah?

Ya. Walaupun pad brek tidak memerlukan kos yang banyak untuk digantikan, pemasaan memperlihatkan seolah-olah ia dilakukan di bawah pengaruh keputusan Pengarah tentang arahan perubahan, dan ini boleh dilihat sebagai sogokan.

Baru-baru ini, saya telah bertemu dengan seorang pegawai daripada universiti awam untuk membincangkan tentang membekalkan bahan untuk produk perumahan pelajar. Pegawai tersebut memberitahu saya bahawa dia akan memastikan kami mendapat kontrak tersebut jika kami memberikan sumbangan kepada dana tajaan universiti. Patutkah kami memberikan sumbangan?

Tidak, memberikan sumbangan sebagai pertukaran untuk anugerah kontrak ialah rasuah. Beritahu pegawai tersebut yang anda tidak boleh memberikan sumbangan yang terikat kepada keputusan kontrak dan [LAPORKAN](#) tawaran tersebut.





Mengelakkan Konflik Kepentingan

Satu konflik kepentingan terjadi apabila kepentingan peribadi pekerja mengganggu keupayaan dia untuk bertindak mengikut kepentingan terbaik syarikat.

Di CRH

Konflik kepentingan yang mempengaruhi penilaian perniagaan anda ialah satu pelanggaran Tatakelakuan.

Mempunyai potensi konflik kepentingan tidak semestinya melanggar Tatakelakuan secara automatik, tetapi kegagalan untuk mendedahkannya adalah satu pelanggaran.



Ia Bermula dengan Saya

- Dedahkan semua konflik kepentingan yang berpotensi yang mungkin wujud
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang proses penutupan, hubungi jabatan Undang-undang dan Pematuhan
- Jangan bertindak sebagai pembuat keputusan apabila terdapat konflik
- **LAPORKAN** sebarang situasi yang anda yakin mungkin menjadi konflik kepentingan



Adakah terdapat konflik? Tanya diri anda:

A. Bolehkan kepentingan peribadi atau perhubungan mempengaruhi keputusan yang saya buat?

B. Mungkinkah ia kelihatan begitu kepada orang lain?

Jika ya, itu ialah konflik.

Dapatkan bimbingan apabila anda tidak pasti.

Bagaimanakah sekiranya...

Saya seorang pengurus perniagaan sedia bancuh. Di luar waktu bekerja, saya membangunkan dan menjual alat komponen kilang sedia bancuh yang meningkatkan pengeluaran. Saya membeli 500 alat ini untuk digunakan di kilang kami.

Disebabkan anda ialah pembekal alat komponen dan juga pembeli, terdapat konflik kepentingan yang jelas. Anda hendaklah mendedahkan perkara ini kepada pengurus anda dan tidak terlibat dalam keputusan pembelian.

Saya bekerja di jabatan IT. Menantu saya memiliki sebuah syarikat teknologi yang menawarkan penyelesaian yang boleh membantu usaha keselamatan data kami. Saya meminta menantu saya sebuah sebut harga. Saya tidak mendapat sebarang sebut harga lain. Adakah terdapat konflik?

Konflik wujud. Sebut harga tambahan hendaklah diminta daripada pihak ketiga lain, dan anda tidak sepatutnya terlibat dalam keputusan pembelian. Anda juga hendaklah mendedahkan konflik ini kepada pengurus anda.

Saya menyelia jabatan jualan untuk syarikat saya. Kakak/adik saya ialah Presiden syarikat pesaing terbaik di kawasan saya.

Ini ialah konflik yang berpotensi dan hendaklah didedahkan.



Saya akan mengelakkan konflik antara kepentingan peribadi dan kerja saya. Jika terdapat konflik yang berpotensi, saya akan mendedahkannya.



Mematuhi Undang-undang Perdagangan Antarabangsa

Undang-undang dan peraturan perdagangan antarabangsa, yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan kerajaan lain, termasuk undang-undang kawalan eksport, undang-undang sekatan perdagangan (mengehadkan perdagangan dengan negara atau individu tertentu), undang-undang import dan undang-undang anti-boikot.

Di CRH

Kami komited untuk mematuhi undang-undang perdagangan antarabangsa yang terpakai pada perniagaan kami. Pelanggaran undang-undang ini boleh menjejaskan reputasi kami dan boleh mengakibatkan penalti.



Ia Bermula dengan Saya

- Pekerja yang terlibat dalam perolehan atau jualan antarabangsa hendaklah Pekerja yang terlibat dalam perolehan atau jualan antarabangsa perlu peka terhadap undang-undang perdagangan yang berkaitan, siapa pelanggan dan pembekal kita, tujuan akhir serta destinasi sebenar produk kita, dan cara pembayaran dilakukan.
- Laporkan sebarang pelanggaran undang-undang perdagangan antarabangsa yang sebenar atau disyaki kepada pengurus anda dan jabatan Undang-undang dan Pematuhan
- Baca Dasar Pematuhan Perdagangan Antarabangsa

Mencegah Pengubahan Wang Haram

Pengubahan wang haram sebaliknya menggunakan transaksi perniagaan yang sah sebagai cara untuk menyembunyikan sumber wang yang telah diperolehi secara tidak sah. Ia "mencuci" dana yang diperolehi daripada aktiviti jenayah. Pengubahan wang haram lazimnya melibatkan pembayaran dalam bentuk wang tunai atau pesanan wang. Aktiviti yang mencurigakan termasuklah: transaksi tunai yang besar serta pelanggan yang keberatan untuk memberikan maklumat yang boleh disahkan.

Di CRH

Kami komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan anti-pengubahan wang haram dan anti-pembiayaan penganas. Kami tidak membiarkan daripada berlaku, memudahkan atau menyokong pengubahan wang haram atau pembiayaan penganas.



Ia Bermula dengan Saya

- Berwaspadalah dengan hal yang tidak kena dengan cara pembayaran dibuat
- Jika anda mempunyai kebimbangan tentang pembayaran, minta borang alternatif untuk digunakan dan laporkan kebimbangan kepada pengurus anda
- Jika transaksi kelihatan mencurigakan, laporkan kepada jabatan Undang-undang dan Pematuhan, sekalipun anda tidak meneruskan transaksi tersebut
- Tentukan sama ada perniagaan anda mempunyai langkah pencegahan yang khusus

Perhubungan Pihak Ketiga

Pembekal, secara langsung dan tidak langsung, ialah pihak berkepentingan utama dalam kejayaan mana-mana perniagaan. Bekerja dengan pembekal yang bertanggungjawab ialah bahagian penting daripada Tanggungjawab Sosial Korporat.


Di CRH

Kami hanya memilih pembekal yang berkongsi komitmen kami untuk amalan perniagaan beretika dan mereka yang mencapai standard kami dari segi kesihatan & keselamatan, hak kemanusiaan, dan pengawasan alam sekitar.



Ia Bermula dengan Saya

- Pastikan pembekal mencapai syarat Tatakelakuan Pembekal kami
- Baca Tatakelakuan Pembekal





Tatakelakuan dalam Komuniti Kami



- Menghormati Hak Asasi Manusia dan Hak Pekerja
- Menggalakkan Kelestarian Alam Sekitar
- Melibatkan Diri dan Menyokong Komuniti
- Membuat Sumbangan Politik





Menghormati Hak Asasi Manusia dan Hak Pekerja

Terdapat peluang untuk melindungi hak asasi manusia dan Hak Pekerja di setiap tempat sepanjang rantai bekalan syarikat dan dalam aktiviti pengeluaran dan jualan.

Di CRH

Kami komited untuk menghormati hak asasi manusia dan hak pekerja, tidak kira di mana kami beroperasi di dunia. Kami menghormati hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, dalam semua operasi dan rangkaian bekalan kami yang meluas.



la Bermula dengan Saya

- Mainkan peranan anda bagi memastikan pencabulan hak asasi manusia, seperti penggunaan buruh wajib, paksa, atau kanak-kanak, tidak berlaku dalam perniagaan atau rantai bekalan kita
- Sokong kebebasan persatuan dan iktiraf hak untuk tawar-menawar kolektif
- Pastikan kita berurusan dengan pembekal dan pelanggan kita dengan bertanggungjawab
- Baca Komitmen kepada Hak Asasi Manusia: Pernyataan Perhambaan Moden dan Dasar Sosial



Saya akan menghormati hak asasi manusia dan mematuhi undang-undang buruh.

Menggalakkan Kelestarian Alam Sekitar

Berusaha untuk mencapai standard alam sekitar yang tinggi, menyampaikan perubahan iklim secara aktif dan terus-menerus menambah baik semua proses menggalakkan kelestarian alam sekitar.

Di CRH

Dasar Alam Sekitar kami menunjukkan komitmen kami untuk melaksanakan amalan terbaik berkaitan masalah alam sekitar dan menggariskan penambahbaikan yang kami lakukan di seluruh organisasi kami. Ia merangkumi pematuhan alam sekitar, komunikasi, perubahan iklim, pengurangan pelepasan gas, penggunaan sumber, kitar semula, biodiversiti, inovasi yang mapan, dan perhubungan pihak berkepentingan yang baik.



la Bermula dengan Saya

- Patuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang terpakai terhadap kerja anda
- Libatkan diri dalam program latihan yang berkaitan
- [LAPORKAN](#) sebarang kebimbangan bukan pematuhan dengan undang-undang atau peraturan alam sekitar
- Baca Dasar Alam Sekitar



Saya akan memikirkan tentang alam sekitar yang ingin saya diami dan memainkan peranan untuk melindunginya.





Melibatkan Diri dan Menyokong Komuniti

Menjadi sebuah syarikat yang bertanggungjawab bermakna membangunkan perhubungan yang dipercayai dan mencipta impak positif jangka panjang dalam komuniti di tempat kami beroperasi.

Di CRH

Kami memandang serius tanggungjawab penglibatan komuniti kami. Semua penglibatan dan interaksi komuniti dihormati dan sesuai. Kami menggalakkan pekerja dan perniagaan untuk membangunkan kepentingan setempat dan penglibatan yang menyokong pembangunan komuniti yang berkembang maju dan keseluruhan alam sekitar yang didiami yang lebih baik.



la Bermula dengan Saya

- Menjadi jiran yang baik dalam komuniti setempat anda. Cari cara untuk mencipta impak yang positif, di samping mematuhi garis panduan syarikat tempatan tentang penglibatan komuniti
- Jika boleh, bangunkan pelan penglibatan komuniti untuk lokasi anda
- Baca Dasar Memberikan Sumbangan dan Penglibatan Komuniti

Membuat Sumbangan Politik

Sumbangan politik termasuk sebarang sumbangan untuk menyokong calon, parti atau punca politik. Sejenis sumbangan politik boleh jadi penggunaan kemudahan syarikat, sumber atau masa pekerja untuk melanjutkan kempen politik.

Di CRH

Kami menghormati dan mematuhi undang-undang berkaitan sumbangan politik di negara dan rantau kami beroperasi.



la Bermula dengan Saya

- Sebelum membuat sumbangan politik syarikat, sentiasa hubungi jabatan Undang-undang dan Pematuhan untuk mengesahkan bahawa ia dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Jika begitu, dapatkan kelulusan daripada pihak pengurusan mengikut dasar syarikat operasi anda
- Sentiasa gunakan cek atau pindahan elektronik syarikat untuk membuat sumbangan politik dan memastikan ia direkodkan dengan betul

Bagaimanakah sekiranya...

Seorang pelanggan meminta saya menyumbang kepada pengumpul dana sekolah tempatan untuk mendapatkan bumbung baharu. Dia sedang mengumpulkan sumbangan wang tunai. Bolehkah saya membuat sumbangan bagi pihak CRH?

Sumbangan wang tunai dan sumbangan kepada individu dilarang sama sekali. Semua sumbangan derma hendaklah diluluskan oleh pihak pengurusan dan dibuat dalam bentuk cek atau pindahan elektronik syarikat kepada organisasi penerima.

Bagaimanakah sekiranya...

Seorang rakan saya menguruskan pejabat tempatan. Dia bertanya sama ada dia boleh mengadakan kempen kutipan derma di kemudahan latihan syarikat saya di luar waktu perniagaan. Adakah ini dianggap sebagai sumbangan politik?

Ya, ini boleh menjadi sejenis sumbangan kepada kempen rakan anda. Anda hendaklah menghubungi jabatan Undang-undang dan Pematuhan sebelum membuat perancangan untuk membenarkan dia menggunakan kemudahan syarikat.

Saya menghadiri majlis pengumpulan dana yang memanfaatkan calon untuk pusat jabatan tempatan. Saya berpendapat bahawa calon ini akan menyokong industri kita. Bolehkah saya menyertakan kos majlis ini dalam laporan perbelanjaan saya dan menerima pembayaran balik daripada syarikat?

Tidak, sekalipun bidang kuasa negara dan tempatan anda membenarkan sumbangan korporat, anda tidak boleh menerima pembayaran balik daripada syarikat untuk sumbangan politik. Sebarang sumbangan mestilah dibuat secara terus oleh syarikat.



Saya akan menjadi jiran yang baik dalam komuniti setempat saya.



Alat Rujukan Pantas




- Panduan untuk Melaporkan Kebimbangan
 - Tatakelakuan Perniagaan: Panduan Ia Bermula dengan Saya
-



Panduan untuk Melaporkan Kebimbangan

Ingat, jika anda mempunyai kebimbangan yang sebenar tentang kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan atau undang-undang, anda mestilah bersuara. Sila laporkan kebimbangan anda kepada mana-mana individu berikut:



Pengurus
Terdekat Anda



Pihak Pengurusan
Kanan



Talian Penting
CRH



Pengurus HR
Anda



Undang-undang
dan Pematuhan





Tatakelakuan Perniagaan: Ia Bermula dengan Saya

Tatakelakuan Perniagaan ialah panduan kami untuk melakukan sesuatu dengan betul. Saya akan mematuhi Tatakelakuan kami setiap hari dengan:



Mengutamakan Keselamatan

Saya akan berhenti dan melakukan sesuatu jika melihat perkara yang tidak selamat.



Menghormati Orang Lain

Saya akan melayani orang lain di tempat kerja saya dengan cara sebagaimana saya mahu dilayan.



Melindungi Aset dan Data Syarikat

Saya akan menjaga harta syarikat dan tidak akan mencuri atau menyalahgunakan apa-apa.



Menghormati Undang-undang

Saya tidak akan melanggar mana-mana undang-undang. Saya akan mendokong diri saya mengikut standard kejujuran dan integriti yang tertinggi dalam kerja saya.

Mengelakkan Konflik Kepentingan



Saya akan mengelakkan konflik antara kepentingan peribadi dan kerja saya. Jika terdapat konflik yang berpotensi, saya akan mendedahkannya.

Menyokong Komuniti



Saya akan menjadi jiran yang baik dalam komuniti setempat saya.

Menghormati Alam Sekitar



Saya akan memikirkan tentang alam sekitar yang ingin saya diami dan memainkan peranan untuk melindunginya.

Imbas kod QR untuk memuat turun Kod



Bimbang? Bersuaralah! www.crhhotline.com



Orang yang boleh dihubungi untuk pelaporan

Group General Counsel:

Pádraig Ó Ríordáin - poriordain@crh.com

General Counsel – Corporate:

Aisling McKeown - amckeown@crh.com

General Counsel - International:

Niamh Flood - nflood@crh.com

Vice President & General Counsel - Americas:

Dave Toolan - david.toolan@crh.com

Talian Penting CRH:

www.crhhotline.com

CRH® ialah tanda dagangan berdaftar CRH plc.

Tatakelakuan Perniagaan CRH 2025

